

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RPW 552 - Pentadbiran Dan Pengurusan Perancangan

Tarikh: 16 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Nyatakan kebaikan dan keburukan sistem jawatankuasa di dalam pengurusan dan perancangan dan terangkan peranan dan tugas-tugas Jawatankuasa Perancangan Negeri mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).

(25 markah)

2. Di dalam proses penggubalan dasar atau perancangan program pembangunan di peringkat persekutuan, telah wujud satu sistem yang dipanggil 'Central Cluster System'. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem ini dan terangkan dengan memberi contoh-contoh yang bersesuaian?

(25 markah)

3. Apakah yang kamu faham dengan SALAH SATU DARIPADA dasar-dasar Kerajaan Persekutuan yang disenaraikan di bawah dan terangkan peranan perkhidmatan perancangan bandar dan desa dalam perlaksanaannya?

(i) Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar

(ii) Dasar Urbanisasi Negara

(iii) Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta Penduduk.

(25 markah)

...2/-

4. Terangkan maksud kenyataan ini, 'Perkhidmatan perancangan bandar dan desa di ketiga-tiga peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan diwujudkan mengikut Perlembagaan Persekutuan', dan jelaskan peranan ketiga-tiga perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang dimaksudkan itu.

(25 markah)

5. Bagaimanakah kerjasama di beberapa peringkat di antara pihak berkuasa tempatan dengan lain-lain agensi kerajaan negeri dan persekutuan dilaksanakan?

(25 markah)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Draf Rancangan Struktur' dan 'Draf Rancangan Tempatan'? Terangkan proses penyediaan Draf Rancangan Struktur sehingga ianya diwartakan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan lain-lain kaedah yang digunapakai sekarang.

(25 markah)

7. Pada pendapat kamu kenapakah perlunya dikawal pelaksanaan projek-projek pembangunan dan terangkan proses kelulusan perancangan yang perlu dilalui oleh satu-satu permohonan pembangunan yang melibatkan tukar syarat dan pecah sempadan tanah.

(25 markah)